

# Usah ganggu Umno (baru)

BH 16 APR 1988

Oleh NAZAR ABDUL

**KAMPUNG GAJAH, Jumaat** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pihak yang bercita-cita besar memimpin negara supaya jangan mengganggu usaha Umno (baru) mengukuhkan perpaduan orang Melayu dan membangunkan negara.

Menurutnya tindak-tanduk mereka menggunakan pelbagai cara untuk menghalang usaha Umno (baru) akan hanya memecahbelahkan orang Melayu serta melemahkan mereka dan negara.

Berucap kepada kira-kira 25,000 rakyat pelbagai kaum di majlis pelancaran gerakan Setia Bersama Rakyat (Semarak) III di padang Majlis Daerah Kampung Gajah di sini, Perdana Menteri mengingatkan pemimpin Melayu mengenai bahaya jika golongan itu terlalu ghairah merebut teraju kepemimpinan parti dan negara.

"Jika kita bersengketa sesama sendiri, bangsa akan menjadi lemah dan usaha untuk membangunkan negara akan terjejas," kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno (Baru).

## □ LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 2

Katanya usaha pihak berkenaan mengasingkan orang Melayu mengikut kenegerian juga patut dihentikan kerana orang Melayu di seluruh negara sebenarnya adalah satu bangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyifatkan pihak yang berusaha memecahbelahkan orang Melayu sebagai pengkhianat kepada perpaduan dan perjuangan bangsa Melayu.

Bellau berkata pemimpin Melayu khususnya bekas ahli Umno tidak sepatutnya menjalankan usaha kurang sihat bagi menjatuhkan seseorang pemimpin atau memburuk-burukkannya.

"Kita hendaklah sabar menunggu giliran untuk menjadi pemimpin kerana pemimpin datang dan pemimpin pergi. Saya tidak akan kekal kerana akhirnya saya akan undur diri juga," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam amalan demokrasi pemimpin perlu mematuhi sebarang keputusan pertandingan memilih pucuk pimpinan bagi mengelakkan masalah serta menjamin keutuhan parti.

"Jika kalah buat cara kalah dan jangan membuat kacau hingga menjadikan masalah kepada parti dan kerajaan," tegasnya dan disambut dengan laungan "Mahathir! Mahathir! Mahathir!" daripada hadirin.

Bagalmanapun beliau kesal kerana ada pihak tidak mahu menerima keputusan amalan demokrasi itu dan membuat pelbagai angkara pula termasuk mengambil

● LIHAT MUKA 15 RUANG 8

# **Langgan ganggu Umno (baru) — Dr M**

● DARI MUKA I

tindakan mahkamah untuk mengganggu usaha dan pentadbiran pucuk pimpinan sekarang.

Menurutnya keadaan menjadi lebih buruk lagi kerana pihak berkenaan memburuk-burukkan pemimpin dan kerajaan sekarang di luar negeri melalui wawancara dengan wartawan luar negeri.

Beliau berkata perbuatan mereka itu menjejaskan usaha kerajaan menggalakkan pelabur asing datang ke negara ini dan akhirnya rakyat dan negara juga yang mengalami kerugian.

Perdana Menteri meminta rakyat, termasuk pemimpin politik, belajar daripada sejarah bahawa hasil perpaduan orang Melayu dan rakyat pelbagai kaum, negara berjaya mencapai kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

"Kita perlukan perpaduan di kalangan rakyat bagi meneruskan perjuangan membina sebuah negara yang aman dan makmur," katanya.

Menurutnya pemimpin hari ini adalah penyambung perjuangan yang dicetuskan oleh pemimpin silam yang berazam membebaskan bangsa dan tanahair daripada cengkaman penjajah serta membangunkan negara supaya setanding dengan negara lain.